

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN JURUAUDIO VISUAL

1. SKIM PERKHIDMATAN

Juruaudio Visual Gred N19, N22, N26, N28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Universiti dan Politeknik/ Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)/ Jabatan Agama Johor/ Pelbagai agensi.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab mengendalikan pemasangan alat audio visual, memberi khidmat kemudahan alat siar raya dan peralatan audio visual, menjalankan kerja pos produksi (post production) dan salinan koleksi bahan media, menjalankan kerja penyediaan bahan pameran serta menyelenggara peralatan alat audio visual.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Juruaudio Visual Gred N19, N22, N26, N28

- a. Mengendalikan alat-alat siar raya yang terdiri daripada konsol *mixer*, *speaker*, amplifier, mikrofon dan alat-alat lain yang berkaitan dengannya.
- b. Menyelenggara dan mengetahui prinsip-prinsip elektrik dan elektronik, kamera, pencahayaan, bunyi, penyuntingan, tugas-tugas jurukamera dan *floor manager* serta bahasa filem yang berkaitan dengan audio visual.
- c. Memastikan fungsi dan kejelasan alat-alat siar raya berada dalam keadaan memuaskan untuk menghasilkan suatu persembahan dan program yang baik.
- d. Berupaya memahami bidang tugas jawatannya selaras dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan jabatan serta prinsip-prinsip yang ditetapkan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan dan Profesional.
- b. Peringkat jabatan dan agensi kementerian.

Luaran

- a. Semua jabatan dan cawangan di peringkat negeri.
- b. Semua agensi, Badan Berkanun serta individu yang berurus.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

- a. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia serta kepujian dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- b. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelulusan Diploma Kejuruteraan Elektronik yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- c. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- d. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- e. Berpengalaman mengendalikan peralatan yang berkait rapat dengan alat-alat elektronik siaran serta berkebolehan memasang, menyelenggara dan membaiki kerosakan kecil.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Kebebasan, adil dan saksama.

- e. Kualiti.
- f. Kerahsiaan.
- g. Kompetensi dan ketelitian.
- h. Disiplin diri

9. ANCAMAN/BAHAYA

- a. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- b. Tekanan.

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi. Surat Rujukan: KPT.S.500-8/15 Jld.2 (33) bertarikh 23 September 2010.
Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Surat Rujukan: JASA.PSM(S).500-12/1(4) bertarikh 19 Ogos 2010.
Jabatan Agama Johor. Surat Rujukan: JAJ.KP.050/501/1 Jld.3 (40) bertarikh 17 Ogos 2010.